

Ikhlas, sedia berunding rahsia kejayaan

BH-17/6/2007
BEKAS Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein berjaya dalam kerjaya kerana ikhlas berkhidmat untuk masyarakat dan sikap suka berunding mendapatkan pandangan pelbagai pihak, kata bekas Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Tunku Shahrman Tunku Sulaiman.

Tunku Shahrman berkata, sikap ikhlas dan sentiasa ingin tahu pandangan masyarakat serta pelaksana dasar kerajaan terutama pada peringkat kakitangan bawahan menyebabkan beliau disenangi dan disayangi sekali gus memudahkan urusan memastikan matlamat kerajaan tercapai.

"Beliau merasai kesusahan hidup di zaman kanak-kanak, walaupun hidup di kalangan keluarga senang, beliau tetap turun padang menjaga kerbau datuknya dan diberi upah dua sen sehari," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pembangunan Luar Bandar Legasi Tun Abdul Razak.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan, berkata Tun Razak membuktikan walaupun tempoh pemerintahannya sebagai Perdana Menteri hanya lima tahun tiga bulan tetapi banyak membawa kesan besar terhadap dasar luar Malaysia.

Katanya, ada lima perkara penting dilakukan mengenai dasar dan hubungan luar termasuk kebijaksanaan beliau menamatkan Konfrontasi Indonesia pada 1966 kerana hubungan istimewa dengan bekas Presiden Indonesia, Suharto yang ketika itu adalah Jeneral Tentera Republik Indonesia.

"Tun Razak juga adalah antara individu yang bertanggungjawab menubuhkan Asean demi keselamatan rantau ini. Tindakan beliau mengubah dasar luar negara daripada pro-Barat kepada negara berkecuali dan mengadakan hubungan diplomatik dan melawat China memberi banyak manfaat kepada Malaysia sehingga hari ini," katanya yang juga Pengerusi The New Straits Times Press Malaysia Bhd (NSTP).